

1975

SHAH ALAM, 29 MAC (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED, MEMBERI JAMINAN KERAJAAN AKAN MENERUSKAN USAHA MEMBERI PELUANG DAN KEMUDAHAN PELAJARAN KEPADA BUMIPUTERA SEHINGGA MEREKA BENAR-BENAR MAJU.

INI, TEGASNYA, ADALAH SELARAS DENGAN DASAR KERAJAAN HENDAK MELAHIRKAN SATU MASYARAKAT MALAYSIA YANG ADIL DIMANA TARAF KEDUDUKAN BUMIPUTERA DALAM SEGALA BIDANG SEIMBANG DENGAN KAUM-KAUM LAIN.

BELIAU BERUCAP DEMIKIAN DALAM SATU FORAM BERTAJUK +SISTEM PELAJARAN MALAYSIA DAN PERANANNYA MEMBENTUK SEBUAH MASYARAKAT PROGRESIF+ DI INSTITUT TEKNOLOGI MARA DI SINI MALAM TADI.

DR. MAHATHIR MENEKANKAN USAHA KERAJAAN ITU BUKAN KERANA PILIH KASIH TETAPI SEMATA-MATA UNTUK MERAPATKAN JURANG PERBEZAAN ANTARA KAUM DI NEGARA INI TERUTAMA ANTARA BUMIPUTERA DENGAN KAUM-KAUM LAIN.

USAHA INI DIJALANKAN BUKAN DENGAN MERAMPAS PELUANG KAUM-KAUM LAIN TETAPI DENGAN MENGADAKAN LEBIH BANYAK PELUANG DAN KEMUDAHAN UNTUK BUMIPUTERA, TEGASNYA. -- BERSAMBUNG 0939/YF

504  
MAHATHIR -2- SHAH ALAM

USAHA-USAHA YANG DIJALANKAN SEKARANG JUGA AKAN MENENTUKAN BAHAWA LAPANGAN-LAPANGAN TERTENTU DI NEGARA INI SAPERTI EKONOMI, DAN PELAJARAN TIDAK DIMONOPOLI OLEH SATU-SATU KAUM SAJA.

MENTERI ITU MENJELASKAN LANGKAH MEMBERI PELUANG PELAJARAN YANG SELUAS-LUASNYA KEPADA BUMIPUTERA TELAH DIPERGIATKAN SELEPAS TAHUN 1969 SETELAH KERAJAAN MENYEDARI MEREKA SELAMA INI KETINGGALAN DIBELAKANG.

HAKIKAT INI TELAH JUGA DIPERSETUJUI DAN DITERIMA OLEH PARTI-PARTI POLITIK DAN LAIN-LAIN PIHAK DI NEGARA INI DENGAN KESEDARAN BAHAWA PERPADUAN DAN PERSEFAHAMAN YANG BERKEKALAN ANTARA KAUM HANYA DAPAT DIJUJUD SEKIRANYA TIDAK TERDAPAT JURANG PERBEZAAN ANTARA KAUM, KATANYA.

BAGAIMANAPUN, SEGALA USAHA-USAHA KERAJAAN HENDAK MENSEIMBANGKAN KEDUDUKAN BUMIPUTERA DALAM BIDANG PELAJARAN TIDAK AKAN MENCAPAI MATLAMATNYA SEKIRANYA RAKYAT BUMIPUTERA SENDIRI TIDAK MAHU MEREBut PELUANG-PELUANG TERSEBUT. -- BERSAMBUNG 0943/YF

505  
MAHATHIR -3- SHAH ALAM

SEBELUM ITU, BEKAS NAIB PRESIDEN KESATUAN SIWA-SISWI ITM TAHUN 1973/74, ENCIK HUSSEIN ABDUL RAHMAN BERKATA, SISTEM PELAJARAN NEGARA INI MESTILAH SENSITIF TERHADAP SEGALA GEJALA-GEJALA YANG TERDAPAT DALAM MASYARAKAT.

SISTEM ITU JUGA HENDAKLAH MEMBERI PELUANG DAN KEBEBASAN KEPADA PARA PELAJAR UNTUK MEMBICARAKAN MASAALAH-MASAALAH MASYARAKAT.

PROF. SYED NAQUIB AL-ATTAS, PENSYARAH UNIVERSITI KEBANGSAAN, PULA BERKATA ILMU PENGETAHUAN TIDAK BOLEH DIJADIKAN ALAT PROPAGANDA OLEH MANA-MANA PIHAK KERANA IA BERSIFAT NEUTRAL.

BELIAU MENYERU SUPAYA DISEMAK ISI DAN KANDUNGAN ILMU PENGETAHUAN DAN MENGHAPUSKAN SEGALA KEPALSUAN UNTUK MENGUJUDKAI SATU MASYARAKAT PELAJAR YANG PROGRESIF. -- BERNAMA 0948/YF